



**LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
(MIDA)**

LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT

3 MEI 2012



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENGENALAN

- Mula beroperasi pada tahun 1967 di bawah Akta Parlimen, 1965
- Agensi utama kerajaan untuk menggalak dan menyelaraskan pembangunan perindustrian dan sektor perkhidmatan negara
- `First point of contact' bagi pelabur yang berhasrat mendirikan projek perkilangan dan perkhidmatan (kecuali utiliti dan kewangan)
- Pada 27 Mac 2004, kerajaan memberi mandat kepada MIDA bagi promosi pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

- Perancangan pembangunan perindustrian
- Mengesyor dan melaksana dasar dan strategi untuk menggalakkan dan membangunkan industri
- Merangka strategi, program dan inisiatif bagi kerjasama ekonomi antarabangsa

PERANCANGAN

PROMOSI

- Pelaburan Asing
- Pelaburan Tempatan



PEMANTAUAN
DAN SUSULAN

PENILAIAN

- Bantuan kepada syarikat dalam pelaksanaan projek
- Menyelaras kerjasama antara agensi berkaitan pembangunan industri
- Pusat khidmat nasihat

- Lesen Pengilang , Jawatan Asing
- Galakan Cukai
- Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan
- Status / Galakan Ibupejabat Operasi , Pusat Pemerolehan Antarabangsa & Pusat Pengedaran Serantau
- Status Pejabat Perwakilan dan Pejabat Serantau



DAYA TARIKAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN



Kestabilan Politik dan Ekonomi



Dasar Kerajaan yang menyokong perniagaan



Dasar pelaburan yang liberal dan telus



Dasar Kerajaan yang menggalakkan kemasukan pelaburan



Infrastruktur yang lengkap dan kondusif



Hubungan industri yang harmoni



Tenaga kerja yang sedia dilatih dan berpelajaran



Gaya hidup yang berkualiti



Rekod pencapaian yang baik



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

LESEN PENGILANG DAN GALAKAN CUKAI

- MIDA bertanggungjawab ke atas penilaian permohonan:
 - ✓ Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975
 - ✓ Galakan cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 dan Seksyen 127 di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967
- Permohonan-permohonan ini akan dibentangkan di:
 - ✓ Jawatankuasa Bertindak Berkenaan Perindustrian (JBBP)
 - ✓ Jawatankuasa Tertinggi Galakan Istimewa (JTGI)
 - ✓ Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP)
 - ✓ Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI)
 - ✓ Majlis Ekonomi (EC)



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

JAWATANKUASA JBBP

Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 1967. Jawatankuasa ini membentangkan permohonan Lesen Pengilang dan galakan cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986. Ahli-ahlinya adalah:

- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia - Pengerusi
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- SMIDEC
- Jabatan Imigresen
- Jabatan Alam Sekitar
- Wakil wakil agensi Kerajaan yang lain yang berkaitan dengan kes kes tertentu



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

JAWATANKUASA JTGI

Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 2000. Jawatankuasa ini menimbangkan permohonan untuk pakej galakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967. Ahli-ahlinya adalah:

- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
– Pengerusi
- Kementerian Kewangan
- Lembaga Hasil Dalam Negeri
- Bank Negara
- Unit Perancang Ekonomi
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
- Wakil wakil agensi Kerajaan yang lain yang berkaitan dengan kes-kes tertentu



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

JAWATANKUASA JKMP

Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 2006 dan diserapkan dengan Majlis Ekonomi pada tahun Mei 2009. Jawatankuasa ini membentangkan permohonan bagi projek berimpak tinggi. Ahli-ahlinya adalah:

- Timbalan Perdana Menteri – Pengerusi
- Menteri Kewangan
- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah, Unit Perancangan Ekonomi
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia - Setiausaha



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

JAWATANKUASA NCI

Jawatankuasa ini ditubuhkan pada tahun 2010 bagi menggantikan Jawatankuasa JBBP dan JTGI. Ahli-ahlinya adalah:

- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia – Pengerusi
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Kementerian Kewangan
- Lembaga Hasil Dalam Negeri
- Bank Negara
- Unit Perancang Ekonomi
- Wakil wakil agensi Kerajaan yang lain yang berkaitan dengan kes-kes tertentu



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)


MAJLIS EKONOMI

Ahli-ahlinya adalah:

- Perdana Menteri – Pengerusi
- Timbalan Perdana Menteri
- Menteri – Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Menteri Kewangan II
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri (PEMANDU)
- Tan Sri Amirsham Abd Aziz
- Datuk Seri Chua Soi Lek
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Ketua Pengarah, Unit Perancangan Ekonomi
- Ketua Urusetia

PROSES DAN PROSEDUR

Kelulusan Lesen Pengilang dibawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan Galakan Cukai dibawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 / Akta Cukai Pendapatan 1967



KRONOLOGI KELULUSAN BAGI LYNAS

Permulaan
(26/06/2006)

- MIDA Sydney menerima pertanyaan daripada Lynas Corp berkenaan cadangan projek Nadir Bumi

Perbincangan
Awal

- Mesyuarat di antara MIDA dan Lynas pada 07/09/2006 berkenaan cadangan projek Nadir Bumi
- MIDA dimaklumkan oleh Lynas bahawa ia telah mengadakan pertemuan dengan Kerajaan Negeri Terengganu, JAS dan LPTA. Kesemua pihak tiada halangan dengan projeknya

Sokongan
Kerajaan
Negeri

- Surat UPE Terengganu kepada Lynas bertarikh 8/11/2006 yang di salinkan kepada MIDA, memaklumkan Kerajaan Negeri tiada halangan terhadap projek Lynas

Permohonan diterima

- Borang permohonan ICA 8 (97) daripada Lynas Corp diterima oleh MIDA pada 17/11/2006
- Lampiran 1 – Muka Surat 1 dan 2 borang permohonan Lynas

Pandangan Teknikal

- MIDA memohon pandangan dari JAS dan LPTA melalui surat bertarikh 23/11/2006
- Lampiran 2 – Surat MIDA kepada JAS dan LPTA

KRONOLOGI KELULUSAN BAGI LYNAS

Pandangan JAS –
11/12/2006

- Pemohon dikehendaki menjalankan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment, EIA) bagi cadangan projek dan mengemukakan laporan kajian EIA kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk kelulusan sebelum cadangan projek dilaksanakan
- Lampiran 3 - Surat pandangan JAS kepada MIDA

Pandangan LPTA
– 26/12/2006

- Jabatan tiada halangan dengan permohonan Lynas untuk mendapatkan Lesen bagi berurusan dengan bahan radioaktif dengan syarat syarikat hendaklah mematuhi peruntukan yang berkaitan yang termaktub di dalam Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984
- Lampiran 4 – Surat pandangan LPTA kepada MIDA

Pembentangan Permohonan Lynas bagi Kelulusan Lesen Pengilang

- Mesyuarat JBBP pada 25/01/2007, dipengerusikan oleh MIDA mengambil maklum :-
- **Pandangan LPTA**
 - Jabatan tiada halangan dengan permohonan Lynas untuk mendapatkan Lesen bagi berurusan dengan bahan radioaktif dengan syarat syarikat hendaklah mematuhi peruntukan yang berkaitan yang termaktub di dalam Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984
- **Pandangan JAS**
 - Pemohon dikehendaki menjalankan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (Environmental Impact Assessment, EIA) bagi cadangan projek dan mengemukakan laporan kajian EIA kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk kelulusan sebelum cadangan projek dilaksanakan
- Jawatankuasa mengesyorkan kepada Pegawai Pelesen supaya permohonan Lynas untuk mendapatkan Lesen Pengilang dibawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 diluluskan tertakluk kepada syarikat mematuhi syarat syarat yang ditetapkan oleh JAS dan LPTA
- Lampiran 5 – Minit Mesyuarat JBBP pada 25/01/2007

KRONOLOGI KELULUSAN BAGI LYNAS

Keputusan Pegawai Pelesen, MITI

- Lesen Pengilang diluluskan oleh Pegawai Pelesen kepada Lynas untuk beroperasi di Teluk Kalong Industrial Estate, Kemaman, Kuala Terengganu melalui surat bertarikh 9 Februari 2007.
- Kelulusan ini tertakluk kepada syarat syarat ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA).
- Lampiran 6 – Surat kelulusan MITI

Pembentangan Permohonan Lynas bagi Galakan Cukai

- JTGI pada 07/03/2007, dipengerusikan oleh KSU MITI mengesyorkan supaya Lynas diluluskan Pengecualian Cukai Pendapatan 100% ke atas pendapatan statutori di bawah Seksyen 127(3) (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk 10 tahun
- Lampiran 7 – Minit JTGI pada 07/03/2007

Keputusan Menteri Kewangan

- Menteri Kewangan bersetuju dengan syor JTGI dan kelulusan dimaklumkan kepada Lynas melalui surat bertarikh 30/03/2007
- Lampiran 8 – Surat MIDA kepada Lynas

KRONOLOGI KELULUSAN BAGI LYNAS

Keputusan Kerajaan Negeri Terengganu

- Pada 10/07/2007, UPEN Terengganu memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu menolak permohonan syarikat untuk beroperasi di Teluk Kalong.

Kelulusan JAS Terengganu

- JAS Terengganu melalui surat bertarikh 25/07/2007 kepada Lynas memaklumkan bahawa Laporan EIA bagi projek di Teluk Kalong telah diluluskan
- Lampiran 9 – Surat kelulusan JAS Terengganu kepada Lynas

KRONOLOGI KELULUSAN BAGI LYNAS

Keputusan Kerajaan Negeri Terengganu dibentangkan di JKMP

- JKMP pada 10/08/2007 telah dimaklumkan mengenai keputusan Kerajaan Negeri Terengganu untuk menolak penempatan projek Lynas. Jawatankuasa mencadangkan supaya syarikat menimbangkan lokasi-lokasi alternatif seperti Pahang
- Lampiran 10 – Minit mesyuarat JKMP pada 10/08/2007

Lynas Diberitahu Untuk Mencari Lokasi Alternatif

- Surat MIDA bertarikh 27/08/2007 kepada Lynas mencadangkan agar syarikat menilai lokasi alternatif seperti Pahang yang mempunyai kemudahan dan infrastruktur bagi loji kimia dan petrokimia
- Lampiran 11- Surat MIDA kepada Lynas

Lokasi Alternatif

- Pada 28/08/2007, Lynas memaklumkan bahawa :-
 - beberapa pertemuan dengan Kerajaan Negeri dan bersetuju memilih Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan kerana kemudahan infrastruktur yang berdekatan dengan pelabuhan, ketersediaan bekalan gas, air dan bahan kimia serta kewujudan tenaga pekerja mahir.
 - pertukaran tapak melibatkan perbelanjaan sejumlah RM 5.2 juta bagi projek di Teluk Kalong serta harga tanah bertambah RM118 juta dan faedah sebanyak RM10.3 juta
- Lynas juga memohon tambahan galakan iaitu :-
 - Pengecualian cukai 100% ditambah dari 10 tahun kepada 15 tahun
 - Pengecualian cukai stem bagi pembelian tanah
 - Geran latihan sebanyak RM 2 juta bagi tempoh 3 tahun

KRONOLOGI KELULUSAN BAGI LYNAS

Pembentangan Permohonan Tambah Lynas

- JKMP pada 11/10/2007 mengambil maklum bahawa
 - Kerajaan Pahang bersetuju menyokong projek Lynas secara dasar tertakluk kepada kelulusan agensi teknikal berkaitan
 - LPTA dan JAS menyokong penempatan projek di Kuantan Pahang
- Jawatankuasa telah bersetuju meluluskan pakej galakan istimewa seperti berikut:
 - Pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas pendapatan statutori bagi tempoh 12 tahun;
 - Pengecualian duti setem ke atas surat cara *acquisition of industrial land* bagi projek tersebut; dan
 - *Matching training grant* (1:1) tidak melebihi RM1.2 juta bagi tempoh 3 tahun untuk latihan pekerja rakyat Malaysia.
 - Lampiran 12 - Minit mesyuarat JKMP pada 11/10/2007

KRONOLOGI KELULUSAN BAGI LYNAS

Kelulusan Galakan

- Kelulusan Galakan Cukai dimaklumkan kepada Lynas melalui surat bertarikh 12/11/2007
- Lampiran 13 – Surat MIDA kepada Lynas

Kelulusan JAS Pahang

- EIA telah diluluskan oleh JAS, Pahang pada 15 Februari 2008

Sijil Lesen Pengilang

- Lesen Pengilang No. A 016841 Serial No. A028724 yang berkuatkuasa pada 22/01/2008
- Lampiran 14 – Lesen Pengilang

FAEDAH EKONOMI



Meningkatkan pendapatan pertukaran mata asing negara dengan pelaburan sebanyak RM2.3 bilion;



Pemindahan teknologi dengan menyediakan latihan berjumlah RM2.7 juta setahun kepada pekerja tempatan;




Membelanjakan sebanyak RM35 juta untuk aktiviti penyelidikan dan pembangunan;




Menjana aktiviti ekonomi perkhidmatan sebanyak RM65.8 juta setahun dan penggunaan utiliti seperti elektrik dan air berjumlah RM52.8 juta setahun;

FAEDAH EKONOMI



Projek Lynas dikategorikan sebagai strategik kerana nadir bumi merupakan elemen yang penting didalam inovasi teknologi hijau termasuk dalam pelbagai pembuatan produk seperti telefon bimbit, pemacu cakera, catalytic converter, turbin angin, bateri kereta hybrid, dan paparan skrin rata.



Potensi untuk menarik pelaburan baru terutama dalam sektor hiliran berteknologi tinggi yang menggunakan keluaran Lynas sebagai bahan mentah/input

Setelah kilang beroperasi :-



Perbelanjaan operasi tahunan lebih dari RM400 juta pada peringkat awal dan RM600 juta dari 2013 dan seterusnya;



Peluang pekerjaan – 400 pekerja tetap (pekerja tempatan kecuali 4 dari negara China dan 1 dari India), 200 pekerja kontrak (tempatan



1,000 pekerja tidak langsung yang menyediakan perkhidmatan kepada Lynas

FAEDAH EKONOMI



Pada masa ini, hampir 97% bekalan nadir bumi dunia adalah dari China. Malaysia akan menjadi satu-satunya negara di Asia Tenggara yang mengeluarkan keluaran nadir bumi.



Spin-off kepada industri tempatan:

- ❑ Pengembangan industri sokongan huluhan
 - Kilang baru *sulphuric acid* di Gebeng, pelaburan RM200 juta;
 - *Expansion Hydrochloric Acid* di Kemaman, pelaburan RM100 juta; dan
 - Fasiliti tambahan pembekal *Hydrated Lime*, RM5 juta.



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

TERIMA KASIH